



Working Paper No. 24, Jun 2008

**KEDINAMIKAN CAMPUR TANGAN KEMANUSIAAN DI ABAD KE-21**

Norhazlina Fairuz Musa Kutty

**Working Paper Series**

**Faculty  
of  
Social Sciences**

Uni  
AZ  
103  
.N822  
2008

# **KEDINAMIKAN CAMPUR TANGAN KEMANUSIAAN DI ABAD KE 21**

**Norhazlina Fairuz Musa Kutty**

**Fakulti Sains Sosial  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

## **1. PENGENALAN**

Dasar tidak campur tangan merupakan salah satu norma penting yang digunakan dalam menyelesaikan pelbagai konflik atau krisis dalam arena politik masyarakat antarabangsa. Rata-rata apabila terdapat konflik atau masalah yang melibatkan eksploitasi dan pencabulan hak asasi manusia, campur tangan atas dasar kemanusiaan melibatkan penggunaan kekerasan dan tentera seolah-olah dibenarkan untuk tujuan menghentikan pencabulan ke atas hak asasi manusia tersebut. Walhal campur tangan secara amnya adalah tindakan mencampuri hal-hal dalaman sesebuah negara yang juga bertentangan dengan konsep kedaulatan. Konsep kedaulatan pula memberi hak sepenuhnya kepada sesebuah negara untuk mengendalikan semua perkara dan masalah domestik daripada membentuk, menentukan sehingga menguatkuasakan undang-undang dengan cara tersendiri.

Campur tangan pula merupakan satu terma yang didefinisikan mengikut keperluan sistem antarabangsa. Dalam kajian ini, campur tangan merupakan konsep utama yang dikaji dengan melihat kesannya terhadap kedaulatan. Kedinamikan isu campur tangan dilihat dari era Perang Dingin sehingga era pasca Perang Dingin. Kedinamikan campur tangan banyak dipengaruhi oleh

tindak tanduk negara dan kuasa besar dalam sistem antarabangsa. Secara tidak lansung kedinamikan campurtangan berkait dengan masyarakat antarabangsa dan kedaulatan. Ini menimbulkan persoalan tentang tujuan dan justifikasi yang digunakan oleh masyarakat antarabangsa dalam menentukan keperluan tindakan campurtangan oleh aktor antarabangsa dalam konflik tersebut. Selain itu satu lagi aspek utama yang perlu diberi perhatian adalah dalam menentukan sama ada konflik tersebut masih berada dalam bidang kuasa domestik atau bidang kuasa masyarakat antarabangsa.

Masyarakat antarabangsa juga harus mengkaji terlebih dahulu samaada campur tangan akan menjejaskan kedaulatan sesebuah negara. Namun begitu dalam mengambilkira dan menentukan semua aspek ini boleh menyebabkan masyarakat antarabangsa mungkin terpaksa menunggu sehingga konflik yang sepatutnya boleh diselesaikan di peringkat domestik merebak sehingga menjejaskan keamanan serantau dan sejagat. Kelewatan bertindak boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi dalam konflik. Dilema di antara hak campur tangan oleh masyarakat antarabangsa dan hak kedaulatan oleh negara sebagai aktor utama sistem antarabangsa menjadikan campur tangan satu konsep yang menimbulkan pelbagai persoalan.

Persoalan-persoalan yang timbul di sebalik dilema dan kesahihahan penggunaan campur tangan kemanusiaan sebagai tindakan yang sesuai dalam menangani konflik kemanusiaan telah menjadikannya satu konsep yang menimbulkan kontroversi. Selain konsep campurtangan itu sendiri dipersoalkan, ia turut menjejaskan konsep kedaulatan. Kedaulatan mengalami perubahan yang agak dinamik semenjak konsep campur tangan